

Ruj. Kami : MQA.600-2/2/5068 (65)
Tarikh : 29 Mei 2019

Ketua Eksekutif
Kolej Teknologi Darul Naim
Jalan Padang Golf, Pengkalan Chepa
16100 Kota Bharu
KELANTAN DARUL NAIM

Tuan,

**MAKLUM BALAS LAPORAN PENILAIAN PROGRAM DIPLOMA PENGURUSAN HARTA
TANAH SECARA KERJASAMA DENGAN UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA
(MQA/FA 6481)**

Dengan hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Sebagaimana tuan sedia maklum, pihak Agensi Kelayakan Malaysia (*Malaysian Qualifications Agency*, MQA) telah mengadakan lawatan penilaian Akreditasi Penuh bagi program berkenaan pada **20 dan 21 Februari 2019**. Satu Laporan Penilaian Akreditasi Penuh telah disediakan untuk makluman dan perhatian tuan sewajarnya.

3. Sehubungan itu, pihak tuan adalah dikehendaki meneliti dan mengemukakan **maklum balas berdasarkan kepada fakta-fakta yang dinyatakan** dalam laporan penilaian tersebut dalam tempoh **14 hari** dari tarikh surat ini.

4. Sekiranya tiada maklum balas berserta bukti yang diterima, segala fakta yang dinyatakan dalam laporan penilaian dianggap betul dan sah untuk digunapakai oleh Jawatankuasa Akreditasi dalam membuat keputusan permohonan program tersebut.

5. Jika pihak tuan mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi pegawai yang berkenaan iaitu **Puan Nor Alwani Binti Abdul Wahab** di talian telefon **0 3-8688 3640** atau melalui e-mel: alwani@mqa.gov.my.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

(MOHD KHAIRUL NIZAM BIN IBRAHIM)

Bahagian Akreditasi (Sains Sosial)
b.p. Ketua Pegawai Eksekutif
Agensi Kelayakan Malaysia

No. Tel : 03-8688 3633

No. Faks : 03-8688 3690

E-mel : nizam@mqa.gov.my

HASSA KM/tnbag